

Pusat bina Taman Ilmu Terengganu RM250j

Oleh MARZUKI YUSOFF

KUALA TERENGGANU 17 Jun - Satu lagi projek besar akan diwujudkan di Terengganu apabila Kerajaan Pusat bersetuju membina sebuah taman pendidikan yang dikenali sebagai Taman Ilmu Terengganu (TIT) di kawasan seluas 283 hektar di Mukim Tembila, Besut.

TIT yang akan menempatkan kemudahan pendidikan terkini termasuk kolej-kolej, masjid, dewan konvokesyen, perpustakaan, kompleks sukan dan kemudahan rekreasi untuk pelajar merupakan projek besar ketiga yang diumumkan oleh Kerajaan Pusat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah

TIT akan menjadi pusat melahirkan lebih banyak rakyat Terengganu yang unggul dan berilmu selaras dengan pembangunan modal insan

- Abdullah Ahmad Badawi

Ahmad Badawi ketika mengumumkannya hari ini berkata, Kerajaan Pusat memperuntukkan RM250 juta untuk melaksanakan projek terbaru itu.

Dua projek lain daripada Kerajaan Pusat yang sedang dilaksanakan di Terengganu ialah Taman Tamadun Islam di Pulau Wan Man dengan peruntukan RM200 juta dan

projek pembangunan semula Pulau Duyung (RM200 juta).

Menurut Abdullah, TIT apabila siap kelak akan menjadi pusat melahirkan lebih banyak rakyat Terengganu yang unggul dan berilmu selaras dengan pembangunan modal insan.

Abdullah mengumumkan perkara itu di hadapan kira-kira 1,200 perwakilan UMNO

ketika menutup Konvensyen UMNO Terengganu 2006 di Hotel Primula Beach Resort, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh; Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad; Menteri Besar SeJangOr, Datuk Seri Mohamad Khir Toyo dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa.

Pada sidang akhbar kemudiannya, Perdana Menteri menjelaskan bahawa taman ilmu itu tidak dibina dengan bangunan besar tersergam indah tetapi bangunan yang sesuai untuk menimba ilmu dan latihan.

Menurutnya, keunggulan sesebuah insti-

• **Lihat muka 4**

Pusat bina Taman Ilmu Terengganu RM250j

tusi ilmu tidak terletak kepada faktor bangunan semata-mata tetapi bagaimana bangunan itu dapat dimanfaatkan.

"Kita lihat universiti terkemuka di luar negara, ia tidak memiliki bangunan-bangunan tersergam indah tetapi tetap unggul dari segi pusat keilmuannya," tegas beliau.

Abdullah turut menjelaskan bahawa konsep taman ilmu itu juga adalah secara guna sama iaitu kemudahan-kemudahan yang ada akan dikongsi bersama dengan institusi pendidikan yang ada di sekitarnya termasuk Universiti Darul Iman Malaysia (UDM).

Beliau memberi contoh beberapa kemudahan seperti perpustakaan, masjid dan dewan konvokesyen akan dikongsi bersama dengan institusi yang terletak berhampiran dengan TIT.

"Melalui langkah itu, kita akan dapat mengurangkan kos pembinaan taman ilmu tersebut setakat RM250 juta kerana ada konsep guna sama kemudahan di situ," katanya.

Berdasarkan pelan pembangunan projek tersebut, TIT akan menempatkan kira-kira 100,000 penghuni meliputi pelajar, kakitangan akademik, peniaga dan penduduk lain.